

MOHD Samsudin
SHAHIZAN Shahrudin
Universiti Kebangsaan Malaysia

PENDIDIKAN DAN PENGAJARAN MATA PELAJARAN SEJARAH DI SEKOLAH DI MALAYSIA

THE LEARNING AND TEACHING OF HISTORY IN MALAYSIAN SCHOOLS

Keputusan kerajaan Malaysia menjadikan matapelajaran sejarah Malaysia sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pengajian Malaysia menjelang 2012 mendapat reaksi positif rakyat. Semua pihak bersetuju dengan keputusan mewajibkan mata pelajaran Sejarah, tetapi terdapat banyak persoalan berkaitan dengan kandungan silabusnya. Sesetengah pihak mendesak agar kandungan silabusnya dikaji semula termasuklah, antara lain, menilai semula sejarah setiap bangsa di Malaysia dan pemimpin-pemimpinnya. Artikel ini membandingkan kejayaan dan kegagalan pendidikan sejarah di beberapa negara maju seperti di Britain, Australia dan Kanada untuk melihat sama ada Malaysia boleh belajar dari pengalaman mereka. Artikel ini juga membincangkan kandungan buku sejarah Tingkatan Lima, khususnya berkaitan dengan apa yang sepatutnya diberi keutamaan tentang sejarah Malaysia, selain membincangkan kerelevanan sejarah Malaysia dengan objektif pendidikan. Akhirnya, artikel ini membincangkan masalah berkaitan dengan pengajaran subjek Sejarah di sekolah.

Kata kunci: pendidikan sejarah, sejarah Malaysia, pembentukan negara-bangsa.

The decision of the Malaysian government to make it compulsory for students to pass History at the Sijil Pelajaran Malaysia level in 2012 has attracted a positive response from Malaysian people. General public opinion on making history compulsory seems favourable on all sides of the social and political spectrum, but there remain many questions to be answered regarding the content of the history syllabus. Certain quarters have pushed for a re-evaluation of the syllabus that includes, amongst other things, the history of each Malaysian race and its leaders. This paper provides a comparison of the successes and failures of history education in developed countries including Britain, Australia and Canada, to consider whether Malaysia can learn from their experiences. It also provides an evaluation of Malaysia's history syllabus at Form Five level, particularly in terms of what

should properly constitute Malaysian history, as well as exploring the relevance of history teaching to the country's educational objectives. Finally, it explores problems of teaching history at school level.

Keywords: *history teaching and practice, Malaysian history, nation-building.*

Pengenalan

Pendidikan sejarah dalam sistem pendidikan formal di setiap negara adalah penting bagi pembinaan negara bangsa, khususnya mendidik golongan muda mengenai perjuangan golongan terdahulu untuk menjadikan negara mereka sebuah negara yang berjaya. Malahan pendidikan sejarah juga digunakan untuk memupuk sifat-sifat positif di kalangan penduduk supaya kagum dengan bangsa dengan sejarah negara sendiri. Bagi negara yang berbilang kaum, sama ada Malaysia ataupun negara-negara maju, pendidikan sejarah penting bagi mewujudkan kesefahaman antara kaum serta menjadi wadah agar mereka menghormati sejarah kaum asal dan dalam masa yang sama mengiktiraf peranan kaum minoriti. Cabaran besar dalam melaksanakan pendidikan sejarah yang berkesan ialah penerimaan masyarakat pelbagai kaum mengenai kandungan mata pelajaran sejarah yang diajar di sekolah-sekolah. Bagi kaum asal, mereka menuntut kandungan sejarah yang diajar perlu mengiktiraf kedudukan masyarakat peribumi sebagai asas kepada kandungan mata pelajaran sejarah. Manakala bagi kaum minoriti, mereka pula menuntut lebih banyak kandungan yang berkaitan dengan sejarah masyarakat mereka terutama peranan yang dimainkan dalam pembinaan sebuah negara-bangsa. Oleh itu pendidikan sejarah adalah unsur penting yang digunakan bagi pembinaan sebuah masyarakat dinamik di negara-negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum.

Artikel ini membincangkan kurikulum pendidikan sejarah di sekolah-sekolah di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada kurikulum sejarah bagi pelajar Tingkatan Lima. Antara aspek yang dibincangkan dalam artikel ini ialah latar pendidikan ilmu sejarah dan kurikulum pendidikan sejarah di negara negara maju dan juga di Malaysia.

Perkembangan Pendidikan Ilmu Sejarah

Pada asalnya, pemimpin negara-negara maju seolah-olah berbangga dengan kemajuan pendidikan yang diajar kepada masyarakat pelbagai kaum. Namun demikian, walaupun berbagai usaha telah dilakukan oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Britain, Perancis dan Jerman untuk mewujudkan sebuah negara pelbagai kaum, namun akhir-akhir ini pemimpin dari negara-negara berkenaan telah menyuarakan kembimbangan mereka. David Cameron, Perdana Menteri Britain, misalnya pada awal Februari

2011 dalam satu ucapan beliau telah menyatakan secara terbuka bahawa *multiculturalism* telah gagal di Britain. Ini menunjukkan usaha Britain selama ini yang dikatakan menjuarai konsep pelbagai kaum telah gagal (BBC News 5 Februari 2011). Golongan muda di Britain pada hari ini tidak menghayati kehidupan masyarakat pelbagai kaum. Malah mereka mencabar kedudukan institusi tradisional di Britain yang telah wujud ratusan tahun. Kebebasan dan hak samarata yang diberi, sebaliknya telah digunakan untuk membina kekuatan etnik sendiri. David Cameron bukanlah keseorangan dalam memberikan pendapat beliau. Malahan sebulan sebelum ini, Angela Merkel, Canselor Jerman juga memberikan pandangan yang hampir sama. Malahan Merkel lebih ekstrem dengan memberikan pandangan beliau bahawa usaha negaranya untuk membina masyarakat *multicultural* selepas perang adalah *utterly failed* (Daily Mail 18 Oktober 2010). Kenyataan kedua-dua pemimpin ini memberikan kejutan kepada dunia kerana selama ini yakin Britain dan Jerman menjadi model kepada pembinaan masyarakat pelbagai kaum.

Kegagalan sistem *multiculturalism* di Britain dan Jerman dipengaruhi oleh banyak faktor. Namun demikian, faktor penting ialah dasar kerajaan yang memberikan terlalu banyak ruang tolak ansur bagi kaum minoriti mengekalkan budaya mereka yang kadang kala mengeneipkan budaya kaum asal. Pihak pemerintah agak longgar dalam mendidik kaum minoriti dengan sejarah negara Britain atau Jerman. Keputusan membenarkan penduduk minoriti mengekalkan sistem pendidikan mereka sendiri memberi kesan kemudiannya terhadap kaum muda minoriti yang tidak menghayati sikap sayangkan negara, menghormati masyarakat terdahulu serta mengabaikan sejarah negara. Maka generasi kedua kaum minoriti mula menolak kedudukan kaum majoriti (kulit putih), mengembangkan pengaruh budaya mereka berorientasikan agama dan kaum masing-masing.

Dalam membincangkan hal ini, Amitai Etzioni (2003:93), seorang ahli sains sosial terkemuka dunia pada masa ini mengemukakan pendapat beliau bahawa peranan pemerintah adalah penting dalam mengatur usaha menjadikan rakyat sebagai ahli masyarakat yang baik. Pemerintah perlu kuat serta berupaya membentuk dasar-dasar untuk membentuk kerangka pendidikan rakyat dalam sebuah negara. Dengan kata lain kadang kala kerajaan perlu melaksanakan dasar pendidikan tanpa terlalu banyak bertolak ansur dengan kumpulan yang menentang usaha pembinaan negara bangsa. Walaupun langkah ini kurang popular tetapi demi pembentukan sebuah negara pelbagai kaum yang bersatu kerajaan perlu mengeneipkan kritikan-kritikan yang mempertahankan sentimen perkauman. Dalam hal ini, Etzioni menerima pandangan Brooks & Kristal (1997:2), iaitu “... *that in the names of 'national greatness', people need a 'strong national government' that will be 'shaper' of citizens and help them cope with the weaker angles of the nature.*”

Ini bermakna dalam konteks pelaksanaan pengajaran sejarah kepada semua penduduk, kerajaan perlu lebih serius melaksanakan kandungan mata


pelajaran yang bertujuan memenuhi matlamat mewujudkan sebuah negara *multicultural* yang berjaya. Bagaimanapun dalam masa yang sama terdapat pandangan yang mengatakan kegagalan *multicultural* juga disebabkan kandungan mata pelajaran yang cuba mengabaikan sumbangan kaum minoriti dalam pembangunan negara menyebabkan berlakunya reaksi negatif daripada mereka. Pandangan ini telah dikemukakan oleh Lord Parekh (20 Mac 2002: col. 1396) di dalam parlimen Britain:

Secondly, since our national curriculum does not fully reflect the great sacrifices of ethnic minorities in defending Britain and its civilisation 60 years ago and their great contributions towards making this country rich and prosperous, what are the Government doing to set the record straight and suitably to revise the national curriculum?

Secara tidak langsung, dalam merangka kandungan mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah, perkara yang melibatkan penyertaan kaum minoriti tidak harus diabaikan. Dalam konteks sejarah Malaysia, sememangnya peranan kaum minoriti diberikan ruang. Bagaimanapun di kalangan pemimpin minoriti, mereka terus menuntut lebih besar sumbangan kaum minoriti dimasukkan dalam kandungan mata pelajaran sejarah. Di peringkat yang lebih ekstrem berlakulah kritikan-kritikan mengenai kandungan mata pelajaran sejarah yang dianggap telah mengabaikan sumbangan pemimpin kaum minoriti. Bagi kerajaan dan kementerian pendidikan, jika isu ini dilayan ia tidak akan ada kesudahannya. Dalam masa yang sama kesukaran pemerintah untuk mengambil fakta-fakta baru mengenai sumbangan kaum minoriti ialah kerana tiadanya satu badan khusus yang mengiktiraf bukti-bukti sejarah.


Pembinaan kurikulum sejarah juga adalah merupakan faktor yang seringkali diperdebatkan. Namun demikian pengisian kurikulum adalah berbeza antara satu negara dengan yang lain. Bagaimanapun, secara umumnya bidang-bidang yang menjadi pengisian kurikulum adalah berkaitan sejarah-sejarah dunia, Eropah, serantau dan sejarah tempatan. Di AS, pemberatan kandungan mata pelajaran sejarah diberikan terhadap sejarah tempatan kerana matlamat pengajaran sejarahnya adalah pendedahan pelajar mengenai sejarah tempatan serta kawasannya dan mengenali tokoh atau 'hero' tempatan. Dengan itu pelajar-pelajar sekolah di AS dipupuk sikap bangga dengan sejarah tempatan mereka. Komponen kedua penting ialah sejarah negara khusus penempatan awal, perjuangan kemerdekaan, cabaran, kemajuan industri dan teknologi dan seterusnya sejarah politik. Bagaimanapun di negara-negara Eropah, kandungan pengajaran sejarah memberikan perhatian terhadap sejarah kebangsaan dan kurang perhatian terhadap sejarah tempatan. Sentimen nasionalisme diberi penekanan dalam menyampaikan pengajaran sejarah. Jadual 1 dan 2 di bawah menunjukkan perbandingan kandungan mata pelajaran sejarah di antara negara-negara di Eropah.

School Curricula - Proportion of Local, Regional, National, European and World History



Jadual 1: School curricula: proportion of local, regional, national, European, and world History. (History as a subject: History teaching in primary and secondary education).

School Curricula - Proportion of Political, Social, Economic and Cultural History




Jadual 2: School curricula: proportion of political, social, economic, and cultural history (History as a subject: History teaching in primary and secondary education).

Kajian terhadap kandungan Buku Teks Sejarah

Sejarah ialah mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua pelajar sekolah secara berterusan selama lima tahun. Matlamat pengajaran sejarah adalah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuhkan semangat kesetiaan kepada negara dan bangsa menjadi warganegara Malaysia. Sesuai dengan kedudukan masyarakat pelbagai kaum, pendidikan sejarah di Malaysia juga bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan cintakan bangsa dan negara (Kementerian Pelajaran Malaysia 2002e:3). Pengajaran mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah menengah di Malaysia dilakukan selama lima tahun iaitu bermula di tingkatan 1 hinggalah ke tingkatan 5. Pengajaran ini dibahagikan kepada dua tahap iaitu peringkat sekolah menengah rendah dan peringkat sekolah menengah atas. Pendidikan sekolah menengah rendah adalah selama tiga tahun bermula dari tingkatan 1 hingga 3. Manakala pengajaran peringkat sekolah menengah atas pula adalah selama dua tahun iaitu bermula di tingkatan 4 dan berakhir di tingkatan 5. Pengajaran sejarah di peringkat sekolah menengah ini mengengahkan proses pengajaran yang lebih dinamik yang tertumpu kepada enam tahap seperti di rajah berikut:

Rajah 1: Struktur Displin Sejarah



Dalam konteks pengajaran sejarah di Malaysia, terdapat beberapa perkara yang memainkan peranan penting menentukan hasil atau matlamat pendidikan berkenaan tercapai. Antaranya ialah kandungan buku teks, kaedah penyampaian, pedagogi, penggunaan sumber, kemahiran guru serta sikap pelajar sendiri. Di peringkat paling asas, kandungan buku teks adalah penting kerana ia dianggap

sebagai tunjang kepada pengajaran sejarah. Kedudukan buku teks sejarah sekolah menengah adalah unik kerana penerbitannya dikawal sepenuhnya oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kawalan juga dilakukan terhadap penggunaan buku teks sejarah di semua sekolah.

Rajah 2: Kandungan Tajuk Sukatan Sejarah Tingkatan 4 dan 5

Tema	Tajuk	Unsur dan Tingkah Laku Patriotisme	Tingkatan diajar
7	Tamadun Awal Manusia	Kepimpinan berwibawa	4
8	Tamadun Islam dan Perkembangannya	Kepimpinan agung untuk kesejahteraan ummah	4
9	Perkembangan di Eropah dan kesannya terhadap ekonomi negara	Keyakinan diri membuat perubahan	4
10	Nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua	Memartabatkan perjuangan tokoh-tokoh tanahair	5
11	Pembinaan Negara dan Bangsa ke arah kemunculan negara Malaysia berdaulat	Kebanggaan warisan bangsa dan negara	5
12	Malaysia dan kerjasama antarabangsa	Persefahaman membawa keharmonian sejagat	5

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (2002a; 2002e).

Sekolah-sekolah di Malaysia hanya menggunakan satu buku teks *standard* bagi setiap tingkatan. Ini bermakna kedudukan buku teks sejarah di Malaysia adalah begitu penting dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar dan perlu disampaikan dengan betul, tepat dan menarik.

Kandungan Buku Teks Sejarah Tingkatan 5

Buku teks sejarah Tingkatan Lima mengandungi sembilan bab bertemakan sejarah Malaysia yang disusun mengikut tematik bermula dari kemunculan dan perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara kemudiannya menjurus kepada tajuk yang berkaitan dengan Malaysia. Tajuk yang disusun dibina dari pengetahuan secara serantau mengenai penjajahan, kesannya kepada kesedaran kebangsaan dan kewujudan sebuah negara merdeka dengan bercirikan konsep negara bangsa. Setiap bab di susun dengan tajuk-tajuk yang seimbang dengan purata tajuk setiap bab ialah tiga. Buku sejarah ini diberikan beberapa pembaharuan dan lebih berbentuk *reader friendly* dengan memuatkan senarai Objektif Pembelajaran (OP) yang perlu dicapai oleh murid; peta konsep yang memberikan gambaran keseluruhan bab; sudut maklumat yang menyediakan maklumat tambahan yang berkaitan dengan teks; maklumat rujukan tambahan berupa laman Web bertujuan memperkenalkan pembelajaran sejarah secara interaktif kepada pelajar. Selain itu, buku teks ini mengekalkan aktiviti dan

latihan di dalam setiap bab dengan mengambilkira ketiga-tiga aras kebolehan pelajar dalam bentuk kemahiran berfikir (Ramlah Adam et.al. 2003).

Rajah 3: Intipati kandungan buku teks sejarah Tingkatan

Bil	Tajuk dan tajuk kecil	Catatan Kandungan
1.	Imperialisme Barat di Asia Tenggara	Menerangkan kegiatan imperialisme Barat di Asia Tenggara pada abad ke 16 yang telah mencetuskan gerakan nasionalisme.
2.	Pengenalan Imperialisme Barat di Asia Tenggara	Menerangkan kuasa-kuasa Eropah iaitu Portugal, Sepanyol, Belanda, Britain, Perancis dan AS sebagai kuasa yang terlibat dengan kegiatan imperialisme di Asia Tenggara (AT).
3.	Imperialis Barat	Menghubungkaitkan imperialisme di AT dengan revolusi perindustrian di Eropah.
4.	Faktor Imperialisme	<p>Penerangan mengenai faktor-faktor imperialisme Barat di AT dengan menggunakan peta minda, ilustrasi dan peta.</p> <p>Pengayaan persembahan bahawa Cina dan India menjadi sasaran imperialisme Barat kerana mempunyai pasaran yang luas, manakala negara-negara di AT menjadi sasaran imperialisme Barat kerana kekayaan bahan mentahnya.</p>
5.	Peta wilayah imperialis Asia Tenggara pada tahun 1914	Peta menggambarkan pengaruh Barat yang melibatkan negara-negara di AT. Penjelasan guru membantu pelajar memahami pengaruh kuasa Barat terhadap wilayah-wilayah atau negara yang terlibat.
6.	Perubahan Sistem Politik	<p>Menghurai kesan sistem birokrasi Barat yang telah mengubah sistem pentadbiran dan politik negara-negara di AT.</p> <p>Penerangan menggunakan pelbagai bentuk persembahan iaitu jadual, peta dan ilustrasi memperkayakan lagi maklumat mengenai kesan sistem politik masyarakat tempatan di AT.</p> <p>Menggunakan peta bagi tujuan menerangkan kedatangan British ke Tanah Melayu.</p>
7.	Nasionalisme di Asia Tenggara	Permulaan sub-topik dengan menerangkan pengertian nasionalisme.

8.	Faktor Kemunculan Nasionalisme	<p>Menerangkan faktor kemunculan nasionalisme di AT dan kemudiannya di ikuti dengan penerangan dalam bentuk teks.</p> <p>Pengayaan dilakukan dengan memberikan informasi di bahagian Sudut Maklumat mengenai Jose Rizal, Mahatma Ghandi dan makna Priyayi.</p>
9.	Perkembangan Nasionalisme	<p>Menerangkan perkembangan nasionalisme di AT kepada dua tahap iaitu penentangan masyarakat secara terbuka dan gerakan nasionalisme yang lebih radikal dan berorganisasi.</p> <p>Menjelaskan perkembangan nasionalisme kemudiannya dihuraikan mengikut negara iaitu Filipina, Indonesia, Indochina, Burma dan Thailand.</p> <p>Menghuraikan perkembangan nasionalisme setiap negarameliputi bentuk perkembangan, tahap kegiatan dan tokoh-tokoh.</p>
10.	Penerangan mengenai sebelum kedatangan Belanda, Indonesia terdiri daripada beberapa buah kerajaan yang berasingan seperti kerajaan Mataram dan kerajaan Bantam di Jawa.	<p>Memperluaskan penerangan bahawa kepulauan Indonesia mempunyai kerajaan-kerajaan besar serta beberapa empayar terkenal seperti Majapahit di peringkat dunia sezaman dengan empayar lain.</p>
11.	Nasionalisme di Malaysia	<p>Tajuk ini mempersembahkan kegiatan nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.</p> <p>Pengenalan menerangkan mengenai maksud nasionalisme serta sebab berlakunya kegiatan sedemikian.</p> <p>Penerangan selepas kejatuhan Melaka, kerajaan Melaka telah berpindah, kemudian juga wujud kerajaan-kerajaan Melayu yang mewarisi kerajaan Melaka seperti di Perak dan lain-lain.</p>
12.	Sebab-sebab penentangan penduduk di Malaysia	<p>Memaparkan melalui peta minda sebab-sebab penentangan penduduk tempatan terhadap kuasa British. Ia diikuti pula dengan penerangan dalam penulisan teks.</p>

13.	Peristiwa penentangan pemimpin tempatan	<p>Bahagian ini menghuraikan penentangan penduduk tempatan terhadap pendudukan British.</p> <p>Bahagian awal menerangkan penentangan yang dipimpin oleh Penghulu Dol Said di Naning. Diikuti penentangan oleh Rentap dan Syarif Masahor yang menentang James Brooke di Sarawak, Mat Saleh menentang Syarikat Borneo Utara British di Sabah, Dato' Maharaja Lela menentang penguasaan British di Perak, Yam Tuan Antah menentang British di Sungai Ujong, Dato' Bahaman di Pahang, Tok Janggut di Kelantan dan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu.</p>
14.	Gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua	<p>Bahagian ini adalah tunjang kepada sejarah nasionalisme negara.</p> <p>Menyatakan melalui peta minda faktor pemangkin nasionalisme di Malaysia. Ia diikuti dengan penghuraian faktor-faktor berkenaan melalui penerangan teks. Setiap faktor diterangkan secara mendalam bersama-sama ilustrasi, jadual dan gambar tokoh.</p> <p>Bahagian ini menggunakan jadual bagi menerangkan faktor-faktor pemangkin kepada gerakan nasionalisme di Tanah Melayu.</p>
15.	Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa	<p>Bab ini membincangkan kesedaran pembinaan negara dan bangsa di Malaysia yang diperjuangkan oleh tokoh-tokoh nasionalis tempatan.</p>

16.	Latar belakang pembinaan negara dan bangsa.	<p>Bahagian ini menerangkan bagaimana berlakunya perubahan dalam sistem masyarakat tradisional kepada sistem politik negara moden hari ini.</p> <p>Penghuraian mengenai kepentingan sistem tradisional yang meletakkan kedudukan raja tinggi dan istimewa kepada masyarakat pada ketika itu.</p> <p>Penerangan seterusnya ialah konsep bangsa Malaysia dan mereka yang terlibat. Seterusnya diterangkan bahawa pembentukan bangsa Malaysia dikaitkan dengan tiga elemen penting iaitu perjuangan kemerdekaan, pengisian kemerdekaan dan pengejalan kemerdekaan.</p>
17.	Pembinaan negara dan bangsa	<p>Bahagian ini menghuraikan perkembangan konsep negara dan bangsa yang bermula di Eropah pada penghujung abad ke 18 apabila tercetusnya Revolusi Inggeris 1688, Perang kemerdekaan Amerika 1776 dan Revolusi Perancis 1789.</p> <p>Pendedahan pelajar juga diberikan terhadap perkembangan yang berlaku di dunia khususnya di Eropah berkaitan dengan tokoh yang melahirkan idea politik dalam negara.</p>
18.	Ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka	<p>Menghuraikan 6 ciri Kesultanan Melayu Melaka yang mempunyai persamaan dengan konsep negara bangsa moden hari ini.</p>
19.	Pembinaan negara dan bangsa Malaysia	<p>Bab ini mempunyai enam objektif pembelajaran memberikan pemahaman kepada pelajar perkara yang berkaitan sebab, ciri dan penentangan Malayan Union. Seterusnya bertujuan memberi kefahaman mengenai pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.</p>

20.	Malayan Union	<p>Kandungan bahagian ini dimulakan dengan pengenalan. Diikuti dengan peta konsep mengenai tiga perkara penting iaitu Malayan Union, Persekutuan Tanah Melayu dan pergerakan politik di Sarawak dan Sabah.</p> <p>Kandungan seterusnya ialah mengenai 5 sebab penubuhan Malayan Union, ciri-ciri Malayan Union. Penerangan juga dibuat melalui rajah sistem pentadbiran Malayan Union.</p> <p>Ia kemudiannya menyatakan penentangan Malayan Union oleh penduduk Tanah Melayu sehingga terbentuknya Kongres Melayu pertama.</p> <p>Kandungan seterusnya ialah kesan penentangan Malayan Union yang melahirkan Persekutuan Tanah Melayu serta tokoh penggeraknya.</p> <p>Kandungan buku ini tertumpu terhadap pergerakan politik di Sarawak dan Sabah tetapi dalam batasan yang terhad.</p>
21.	Proses pelaksanaan dan kepentingan sistem Ahli	<p>Topik ini penting bagi mendedahkan berlakunya proses dalam mencapai sebuah negara bangsa melalui kata sepakat dan kerjasama dan penglibatan semua kaum.</p> <p>Ianya menjelaskan bahawa Sistem Ahli adalah merupakan asas yang penting bagi melatih penduduk tempatan untuk berkerajaan sendiri.</p>
22.	Pilihanraya bandaran negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.	<p>Tajuk ini menerangkan kerjasama dan pakatan politik yang melibatkan tiga kaum utama negara Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India.</p>
23.	Perikatan dan pakatan murni ke arah kemerdekaan.	<p>Tajuk ini menarik ramai pengkritik kerana menumpukan penghuraian terhadap kerjasama UMNO-MCA dalam pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu.</p> <p>Bagaimanapun peranan kumpulan dan parti politik lain terhadap pilihan raya tidak dibincangkan.</p>

24.	Peranan tokoh-tokoh kemerdekaan	Tajuk ini menghuraikan sumbangan yang dimainkan oleh pemimpin negara dalam usaha mendapatkan kemerdekaan khususnya Tun Abdul Razak, Tun H.S. Lee dan Tun V.T. Sambanthan.
25.	Pengukuhan negara dan bangsa Malaysia	Bab ini membincangkan mengenai usaha penubuhan Malaysia.
26.	Cadangan ke arah pembentukan Malaysia	Bahagian ini mengutarakan idea awal pembentukan Malaysia yang sudah ada sejak tahun 1887 dan kemudiannya meneliti mengikut tempoh masa waktu idea-idea yang sama ke arah pembentukan Malaysia.
27.	Pembentukan Malaysia	Bahagian ini penting kepada pelajar bagi memahami faktor-faktor yang melahirkan Malaysia. Pembahagian faktor dibuat mengikut kaedah konservatif iaitu politik, ekonomi dan sosial.
28.	Reaksi terhadap pembentukan Malaysia	Bahagian ini menghuraikan reaksi penduduk daripada wilayah-wilayah yang terlibat terhadap penubuhan Malaysia. Teks penerangan bermula dengan reaksi pemimpin-pemimpin di Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei sama ada menyokong atau menolak penubuhan Malaysia
29.	Reaksi negara luar terhadap rancangan Malaysia	Penubuhan Malaysia dari segi sejarah menghadapi tentangan daripada negara luar. Oleh itu, tajuk ini membincangkan tentangan yang dihadapi oleh Malaysia khususnya dari Indonesia dan Filipina yang melahirkan konfrontasi.
30.	Langkah-langkah pembentukan Malaysia	Buku teks ini memberikan satu tajuk khusus mengenai langkah-langkah pembentukan Malaysia. Ianya adalah sesuai bagi memberikan kefahaman kepada pelajar bahawa terdapat proses yang tersusun dalam penubuhan Malaysia. Perbincangan ditumpukan terhadap peranan Jawatankuasa Perunding Perpaduan Kaum yang melibatkan pemimpin daripada semua wilayah yang terlibat. Satu lagi jawatankuasa yang dibincangkan ialah Suruhanjaya Cobbold yang dibentuk untuk menilai pandangan penduduk di Sabah dan Sarawak.

31.	Sistem pemerintahan dan pentadbiran negara Malaysia	Matlamat penulisan buku teks ini adalah untuk memberikan pengetahuan pelajar terhadap sistem pemerintahan di Malaysia.
32.	Ciri-ciri demokrasi berparlimen	<p>Penyampaian tajuk ini dilakukan dengan menggunakan peta konsep dengan menyatakan terdapat tujuh ciri utama sistem pemerintahan di Malaysia</p> <p>Perlembagaan merupakan tajuk yang diberikan perhatian dalam buku teks ini. Tumpuan diberikan terhadap keluhuran, kepentingan, dan pindaan perlembagaan Malaysia.</p>
33.	Raja Perlembagaan	<p>Malaysia mengamalkan sistem demokrasi raja berperlembagaan yang merupakan satu sistem yang unik yang tidak diamalkan oleh banyak negara lain. Keunikan ini juga kerana sebagai sebuah negara berbilang kaum institusi Yang di-Pertuan Agong dijadikan sebagai simbol kekuasaan negara.</p> <p>Keunikan sistem demokrasi raja berperlembagaan perlu didedahkan kepada pelajar. Justeru itu tajuk yang ditulis penting kepada proses pendidikan dan pembinaan negara bangsa. Kandungan dalam buku ini adalah mengenai institusi Yang di-Pertuan Agong serta bidang kuasa dan juga penyandang jawatan berkenaan.</p>
34.	Kuasa pemerintahan	<p>Tajuk ini menghuraikan mengenai sistem pentadbiran negara yang terbahagi kepada dua iaitu kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Pendedahan juga diberikan terhadap tiga badan pemerintahan negara iaitu badan perundangan (parlimen), badan eksekutif (pelaksana) dan badan kehakiman.</p> <p>Tajuk-tajuk kecil ialah pilihan raya, parti politik di Malaysia. Bab ini cuba menerangkan mengenai maklumat dan sejarah yang berkaitan dengan pilihan raya dan parti politik sehingga tahun 1963.</p>
35.	Negara Persekutuan	Tajuk ini mendedahkan pelajar kepada bidang kuasa yang ada pada kerajaan Persekutuan, negeri dan kuasa bersama. Persembahan dibuat melalui jadual yang mudah dibaca tetapi memerlukan guru untuk memberikan penerangan lanjut.

36.	Lambang-lambang negara	Setiap negara merdeka dan berdaulat mempunyai lambang-lambang kebesaran. Oleh itu buku ini mengambil 3 perkara yang menjadi lambang negara iaitu Jata Negara, bendera dan lagu kebangsaan. Selain daripada memahami lambang-lambang negara, tajuk ini memerlukan penghayatan di kalangan pelajar.
37.	Pembangunan dan Perpaduan untuk Kesejahteraan	<p>Bab ini bermatlamat memberi pengetahuan pelajar terhadap dasar-dasar pembangunan negara. Dasar pembangunan negara adalah merupakan alat yang digunakan oleh pemerintah untuk membangunkan negara dari segi penduduk, pendapatan dan infrastruktur.</p> <p>Pengetahuan pelajar terhadap tajuk ini penting bagi membolehkan mereka menghayati kepentingan dasar pembangunan negara.</p> <p>Bab ini dipecahkan kepada tiga tajuk besar iaitu rancangan pembangunan ekonomi; pembangunan dan perpaduan bangsa; <u>Malaysia ke arah negara maju.</u></p>
38.	Rancangan pembangunan lima tahun	<p>Tajuk ini dipecahkan kepada dua tajuk kecil iaitu rancangan pembangunan lima tahun dan dasar pembangunan ekonomi. Dalam dasar pembangunan ekonomi, pendedahan diberikan terhadap semua rancangan pembangunan yang telah dilancarkan semenjak negara mula mencapai kemerdekaan sehingga tahun 1990. Kesemua tujuh rancangan pembangunan lima tahun dinyatakan dalam buku ini.</p> <p>Bagi tajuk dasar pembangunan ekonomi, tumpuan diberikan terhadap dasar-dasar yang telah dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed sewaktu beliau menjadi <u>Perdana Menteri Malaysia.</u></p>
39.	Pembangunan dan perpaduan bangsa	Tajuk ini memberikan penekanan terhadap lima perkara penting iaitu Rukunegara; dasar pendidikan kebangsaan dan falsafah pendidikan kebangsaan; akta bahasa kebangsaan; dasar kebudayaan kebangsaan dan sukan untuk perpaduan. Namun demikian, tiga tajuk menjadi tumpuan iaitu Rukunegara; dasar pendidikan kebangsaan dan falsafah pendidikan kebangsaan; akta <u>bahasa kebangsaan.</u>

40.	Malaysia ke arah negara maju	Tumpuan teks dalam perbincangan tajuk ini ialah mengenai Wawasan 2020 yang menjadi panduan kepada Malaysia bagi mencapai taraf sebuah negara maju.
41.	Malaysia dalam kerjasama antarabangsa	<p>Selain mengetahui tentang sejarah politik dan ekonomi negara, kandungan buku teks Tingkatan 5 juga memberikan pendedahan pelajar mengenai sejarah diplomatik dan hubungan antarabangsa. Pengetahuan ini perlu ada kerana ia penting bagi masyarakat dan negara yang memerlukan hubungan dengan negara luar dalam bidang ekonomi dan perdagangan; organisasi antarabangsa dan politik antarabangsa.</p> <p>Bab ini memberi perhatian terhadap dua tajuk utama iaitu mengenai konflik antarabangsa serta peranan dan sumbangan Malaysia dalam pertumbuhan antarabangsa.</p>
42.	Konflik Antarabangsa	Tajuk ini dibahagikan kepada dua iaitu mengenai Perang Dunia Pertama dan Kedua, dan kemunculan blok dunia dan Perang Dingin. Penyampaian tajuk-tajuk ini banyak dilakukan dalam bentuk penulisan teks.

<p>43.</p>	<p>Peranan dan Sumbangan Malaysia Dalam Pertubuhan Antarabangsa</p>	<p>Tajuk ini dipecahkan kepada dua tajuk kecil iaitu dasar-dasar luar Malaysia; Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa. Dalam tajuk dasar luar Malaysia, pelajar didedahkan mengenai faktor penggubalan dasar luar Malaysia dan kemudiannya perkembangan dasar luar Malaysia. Perkembangan dasar luar dipersembahkan dalam bentuk mengetahui tiga tahap yang dibahagikan mengikut tempoh masa.</p> <p>Tajuk kecil kedua ialah mengenai penglibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa iaitu Pertubuhan Komanwel, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pergerakan Negara-negara Tanpa Berkecuali, Negara-negara Selatan, Pertubuhan Persidangan Islam. Kesemua pertubuhan yang dibincangkan merupakan badan antarabangsa yang melibatkan komitmen tinggi negara dalam badan tersebut.</p> <p>Seterusnya dua tajuk kecil lagi dimuatkan dalam bab ini iaitu Malaysia dalam Pertubuhan Serantau serta Cabaran Masa Depan negara. Dalam tajuk pertama perbincangan adalah tertumpu kepada penglibatan Malaysia dalam Persatuan negara-negara Asia Tenggara (ASA), Malaysia, Filipina dan Indonesia (MAPHILINDO) dan ASEAN. Pelajar dapat mengetahui penglibatan yang telah diberikan oleh Malaysia dalam ketiga-tiga badan serta mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi negara dalam usaha mengadakan hubungan baik dengan negara jiran atau serantau.</p> <p>Tajuk akhir yang dimuatkan dalam buku ini ialah cabaran masa depan Malaysia. Ianya memberikan pendedahan kepada pelajar bentuk-bentuk cabaran yang akan dihadapi oleh Malaysia pada masa depan. Topik-topik yang dibincang ialah globalisasi, teknologi maklumat (ICT), koridor raya multimedia dan K-ekonomi, K-masyarakat. Sekurang-kurangnya dengan membincangkan beberapa cabaran berkenaan, dapat memberikan maklumat kepada pelajar.</p>
------------	---	---

Perbincangan Mengenai Kelemahan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah

Sejak kebelakangan ini negara-negara maju menghadapi masalah untuk menyampaikan pendidikan sejarah yang dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat. Perdebatan tanpa henti berlaku mengenai pengajaran sejarah. Beberapa isu utama yang diperdebatkan ialah mengenai kandungan buku teks, kesahihan fakta serta penerimaan pelajar. Malahan perdebatan dihangatkan lagi oleh ahli politik dan tokoh-tokoh masyarakat sehinggakan berlakunya kritikan terbuka terhadap buku teks sejarah yang memenuhi media akhbar, elektronik dan forum-forum umum. Perkembangan ini menunjukkan masyarakat memberikan perhatian serius terhadap pendidikan sejarah dalam pembinaan negara-bangsa. Malahan keluhan mengenai pendidikan sejarah juga diutarakan oleh pelajar-pelajar sekolah. Sebagai contohnya, pelajar-pelajar sekolah di Kanada dan Australia meluahkan pandangan mereka bahawa sejarah adalah merupakan mata pelajaran yang membosankan (Clark 2008:11). Untuk mengetahui punca kritikan ini berlaku, kajian terus menerus dilakukan oleh pemerintah di negara-negara berkenaan. Berbagai punca dan masalah sebenarnya mempengaruhi kepada perkembangan ini.

Pengajaran mata pelajaran sejarah di Australia mengalami persepsi negatif pelajar kerana menganggap ia adalah mata pelajaran yang membosankan dan berulangan. Antara komen yang kumpulkan ialah *“We wasted too much time learning Australian history, about which there is very little interest to learn. It is time we face this fact instead of trying to pretend that Australia has had a very interesting story”* (Clark 2008:11). Dalam satu kajian yang dijalankan oleh sebuah badan yang dilantik oleh pemerintah di Australia, mereka mendapati *“young Australians had a very tenuous understanding of their nation’s political history and democratic institutions”* (Clark 2008:11). Hakikatnya pelajar-pelajar dan golongan muda di Australia semakin kurang pengetahuan sejarah negaranya. Ia mencemaskan pemerintah dan disadari oleh John Howard, Perdana Menteri Australia ketika itu. Pada hari sambutan *Australia Day* pada tahun 2008, Howard memberi perhatian dalam ucapannya mengenai keperluan pendidikan sejarah di negaranya dan mahukan mata pelajaran ini dijadikan subjek teras di semua sekolah di Australia. Bagi mewajarkan cadangan beliau Howard (2008) menyatakan bahawa:

Only a ‘root and branch renewal’ of Australian history teaching could foster a lasting attachment to the nation’s past. In the end, young people are at risk of being disinherited from their community if that community lacks the courage and confidence to teach its history.

Usaha John Howard untuk menjadikan mata pelajaran sejarah penting ada kaitan dengan langkah yang diambil oleh kerajaan Britain sebelum itu. Gordon Brown, Perdana Menteri Britain, pada tahun 2006 telah mengemukakan

kepentingan sejarah kepada proses pembangunan jati diri penduduk negaranya (Osler 2009:88). Kesedaran ini menjadikan mata pelajaran sejarah di Britain menjadi penting dan penumpuan diberikan khususnya dari segi penyampaian yang lebih berkesan kepada pelajar-pelajar sekolah.

Bagi menarik minat dan memberikan keberkesanan kepada mata pelajaran sejarah, hampir setiap kerajaan negeri di Australia telah menilai kembali kandungan mata pelajaran ini dan membuat penambah-baikan. Kurikulum dibentuk mengikut empat kumpulan umur pelajar-pelajar sekolah yang bermula diperingkat pra-sekolah (berumur lima tahun) sehingga berumur 18 tahun (National Curriculum Board 2009:7). Fokus kurikulum dan kaedah penyampaian adalah berbeza mengikut peringkat kumpulan umur dengan fokus terhadap penggunaan kemahiran berasaskan kumpulan umur. Perubahan penting yang berlaku ialah menghubungkan mata pelajaran ini dengan mata pelajaran lain iaitu Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sivik dan pendidikan kerakyatan, bahasa, sastera dan Geografi (National Curriculum Board 2009:7). Pelbagai bentuk kaedah pengajaran diberikan kepada pelajar, terutamanya penggunaan teknologi digital moden yang membina kepada perkembangan minat untuk belajar mata pelajaran sejarah.

Kurang minat pelajar mengenai mata pelajaran sejarah juga dialami di Kanada. Sebenarnya ahli-ahli pendidikan telah lama mengkritik pengajaran sejarah "*overly content driven dan generally uninspiring.*" Dalam masa yang sama pelajar-pelajar pula enggan mempelajari mata pelajaran sejarah. Hasil kajian yang dilakukan oleh beberapa badan bertauliah di Kanada juga mendapati semakin hari semakin kurang minat golongan muda mengetahui sejarah negara mereka sendiri. Dalam satu ulasan yang dibuat oleh Joanne Harris menyalahkan pengajaran sejarah di sekolah. Katanya: "*It is not the students but Canadian history courses in our high schools that have failed.*" Isu ini menarik perhatian serius Jean Cretien, Perdana Menteri Kanada yang membuat ucapan di parlimennya: "*It is unacceptable that our youth know all about computers, but so little about their country*" (Granatstein 1998:147).

Justeru itu, kurang minat pelajar terhadap mata pelajaran sejarah adalah kerana berkisar kepada tumpuan terhadap kurikulum dan pedagogi (Cole & Murphy 2002:9). Terlalu banyak tumpuan terhadap pembentukan kurikulum khususnya buku teks tanpa memberikan tumpuan terhadap kaedah penyampaian meninggalkan kesan kurang menarik kepada mata pelajaran sejarah. Keadaan ini berlaku kerana secara umum dikebanyakan negara lebih ramai ahli masyarakat berkonflik mengenai ketepatan fakta sejarah dan kandungan kurikulum. Kesannya, pelajar dan guru-guru sebagai kumpulan pengguna tidak diberi perhatian. Bagi menyelesaikan masalah ini, perlu ada keseimbangan tumpuan antara kurikulum dan pedagogi. Tumpuan dalam bagaimana kurikulum sejarah itu dapat disampaikan oleh guru-guru kepada pelajar dengan lebih menarik dan berkesan adalah penting. Begitu juga bentuk penyampaian yang berkesan kepada pelajar juga adalah perkara yang tidak

boleh diabaikan.

Kajian yang dilakukan terhadap mata pelajaran sejarah di Australia dan Kanada mendapati beberapa faktor berlakunya masalah ini. Masalah ini juga terdapat persamaan dengan Malaysia. Antaranya:

1. Tajuk-tajuk yang berulang

Masalah ini berlaku kerana tiada penyelarasan yang mantap. Tajuk-tajuk perbincangan sejarah yang disusun di peringkat sekolah rendah kemudiannya diulang di peringkat menengah. Dalam satu kaji selidik, respon yang diberikan oleh pelajar ialah seperti berikut:

I'm concerned that we keep repeating the same topic over and over and over again, and we'll do it in year 5, we'll do it in year 7, we'll do it in year 8, then we'll do it in year 9, then we'll do it in year 11, and we're not actually increasing the complexity of what we do with that topic We're just repeating the content, so you get students that come to you in year 8 and they say, 'Oh, we've done that topic' (Clark 2008:14).

Oleh itu, perhatian perlu diberikan agar kurikulum dalam mata pelajaran sejarah perlu disusun kemas apabila tajuk-tajuk yang hampir sama dibincangkan kembali. Ini kerana pengetahuan sejarah perlu meningkat dan berkembang seterusnya mendalam dari semasa ke semasa.

2. Penggunaan sumber dan perkembangan profesional oleh-guru-guru Sejarah

Peranan guru-guru adalah penting didalam menyampaikan mata pelajaran sejarah di dalam kelas. Oleh itu adalah perlu perhatian diberikan bagi membekalkan bahan-bahan berbentuk pembuktian sumber seperti dokumen yang amat berguna membantu guru-guru.

Adequate teaching resources and professional development are both critical to preventing the endless repetition so many students complain of. In the case of Indigenous history, for example, it seems many classes are reliant on old materials and approaches that are turning students off the subject (Clark 2008:14).

Dalam masa yang sama guru-guru perlu diberikan latihan profesional bagi mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam mata pelajaran sejarah. Apa yang berlaku sebenarnya ialah ramai guru-guru terus menggunakan bahan pengajaran yang sama kerana tiada bahan-bahan atau

kemungkinan kurang perkembangan professional yang membantu bahan-bahan pengajaran guru-guru. Malah terdapat juga keadaan di mana guru-guru yang bukan berkemahiran sejarah diminta mengajar mata pelajaran ini menyebabkan kegiatan dalam kelas menjadi tepu apabila terlalu bergantung kepada buku teks.

3. Persoalan mengenai kandungan buku teks sejarah

Masyarakat umum dan juga kumpulan yang terlibat iaitu guru-guru, pelajar dan pegawai-pegawai kurikulum mengakui kepentingan pengajaran sejarah di sekolah. Kesedaran ini memberikan kesan kepekaan di kalangan pemimpin dan ahli masyarakat mengenai fakta-fakta yang terkandung dalam buku teks tersebut. Pembina kurikulum perlu sedar bahawa polemik dan perdebatan mengenai fakta dan kandungan kurikulum sejarah akan berterusan berlaku dan tidak akan berhenti, khususnya bagi negara pelbagai kaum. Setiap kaum akan cuba menonjolkan sumbangan mereka sebaliknya cuba 'menghilangkan' titik hitam sejarah kaum mereka. Perbincangan yang melibatkan soal-soal sensitif akan cuba diabaikan oleh guru-guru kerana bimbang ia akan menjadi isu kontroversi. Sedangkan dalam waktu yang sama mereka tiada ruang merujuk kepada sebuah badan bertauliah. Kontroversi mengenai kenyataan beberapa Pengetua mengenai kaum lain serta tindakan yang dikenakan kepada dua orang Pengetua memberikan kesan negatif kepada dunia pendidikan di Malaysia. Sekaligus ia membantutkan sikap positif guru-guru yang bimbangkan mereka akan menjadi mangsa kepada kerakusan kepada perjuangan *anti-racist*.

4. Keperluan kemahiran kepada guru-guru sejarah

Isu kepakaran di kalangan guru yang mengajar mata pelajaran sejarah adalah perlu diberikan perhatian. Pada masa ini kebanyakan guru mempunyai tanggungjawab mengajar dua atau lebih mata pelajaran. Dalam masa yang sama beban tugas juga memaksa guru-guru kurang masa membuat persiapan pengajaran. Kaedah pengajaran sejarah perlu dibentuk agar pelajar-pelajar tidak merasa bosan. Langkah menjadikan sejarah mata pelajaran wajib menyebabkan perlunya guru-guru diberikan latihan dan kemahiran yang tinggi mengenai kaedah pengajaran. Oleh itu, "*Whether history is taught as a discrete discipline or not, it is critical that teachers have appropriate training and expertise in the subject in order to counter those problems of repetition and rote learning in history classes*" (Clark 2008:14).

5. Menarik perhatian pelajar dalam pembelajaran dalam kelas

Sehingga hari ini persoalan yang selalu dibangkitkan ialah bagaimana kaedah terbaik mengajar sejarah dalam kelas? Jawapan yang paling baik ialah

keperluan guru dan pelajar perlu melibatkan ruang untuk berfikir secara kritikal, mengambilkira dan menerima perbezaan pendapat serta menggunakan daya imaginasi dan bukan sekadar menceritakan apa yang telah berlaku (Clark 2008:14).

6. Penggunaan dokumen, manuskrip atau artifak sebagai alat pengajaran

Salah satu matlamat pendidikan sejarah ialah mendidik pelajar mengenai ilmu sejarah itu sendiri. Dalam hal ini guru-guru dan pelajar perlu didedahkan kepada pembuktian dalam ilmu sejarah. Ia boleh dilakukan dengan cara mendedahkan mereka kepada bahan-bahan dokumen, manuskrip atau artifak. Pendekatan ini telah digunakan di Amerika Syarikat, seperti guru-guru menunjukkan surat-surat yang dihantar oleh penduduk kepada Presiden F.D Rooservelt (sila rujuk Lampiran 1-2). Secara tidak langsung, pelajar dapat menghayati dan mempelajari melalui pengalaman terhadap peristiwa yang berlaku di negara ini.

Kesimpulan

Matlamat menjadikan mata pelajaran sejarah sebagai wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia akan menaikkan kepentingan mata pelajaran sejarah ini. Jika kaedah yang digunakan itu betul, ia akan dapat memenuhi matlamat memupuk golongan muda belajar daripada pengalaman lama bagi membina sebuah negara yang bersatu padu dan maju. Bagaimanapun langkah ini juga menggerakkan semua pihak untuk meletakkan perkembangan sejarah individu atau sesuatu kaum itu penting dan memasukkan dalam buku teks sejarah. Manakala di Australia, Britain dan Kanada keputusan menjadikan subjek ini sebagai mata pelajaran wajib telah lama dilakukan, tetapi mereka berhadapan dengan masalah-masalah lain lebih menjurus kepada penyampaian berkesan dan menarik minat pelajar. Sebaliknya di Malaysia, kandungan buku teks sejarah ini juga perlu disemak semula agar kandungannya tepat, kaedah penyampaiannya menarik dan terdapatnya penggunaan alat-alat bantuan mengajar yang sesuai.

Lampiran 1

Appendix M, page 1 Letters to Mrs. Roosevelt

Granette, Ark.
Nov. 6, 1936

Dear Mrs. Roosevelt

I am writing to you for some of your old soiled dresses if you have any. As I am a poor girl who has to stay out of school. On account of dresses and slips and a coat. I am in the seventh grade but I have to stay out of school because I have no books or clothes to ware. I am in need of dresses and slips and a coat very bad. If you have any soiled clothes that you don't want to ware I would be very glad to get them. But please do not let the news paper reporters get hold of this in any way and I will keep it from getting out here so there will be no one else to get hold of it. But do not let my name get out in the paper. I am thirteen years old.

Yours Truly,
Miss L. H.
Gravette, Ark.
R #3
c/o A. H.

Reply to the letter:

November 13, 1936

My dear Miss H:

Mrs. Roosevelt and her Secretary are away and in their absence I have been asked to acknowledge their mail.

I know Mrs. Roosevelt would be very sorry to hear of your difficulties. However, she would be unable to comply with your request as there are certain persons to whom she sends the clothing for which she has no further use.

Very sincerely yours,

[no signature]

(sumber: atas talian: newdeal.feri.org/eleanor/er3a.htm)

Lampiran 2

Appendix M, page 5 Letters to Mrs. Roosevelt

Port Morris N.J.
March 20, 1934

My Dear Mrs. Roosevelt,

Do you realize that "Easter" is at hand? Do you realize how many hearts are broken on this account? Do you realize how hard its going to be for most people? Like me, for instance, I am a young girl of fifteen and I need a coat, so bad I have no money, nor any means of getting any. My father has been out of work for two years.

My brother works on the C.W.A. but he is, or rather has been, insane in an asylum and has taken most of our money. My mother gets 'fits' when I ask her to buy me something new. Poor mother, I sympathize with her because it has been very hard on her, this depression, and having no money at all but debts piling up on us. I want to tell you something: We were once the richest people in our town but now, we are the lowest, considered, the worst people of Port Morris.

For Easter some friends of mine are thinking of getting new out-fits and I just have to listen to them. How I wish I could have a least a coat. That would cost about \$5.00 at least. I need a dress. I want one and it only cost \$.79 cents. Dear Eleanor how I wish I had this coat and dress for Easter I would be the happiest girl. I love you so much.

Please send me about \$6.00
I thank you so much.

A. C.
Port Morris

March 24, 1934

My dear Miss C.:

Mrs. Roosevelt asks me to acknowledge your letter and to express her regret

that because of the great number of similar requests she receives, she has found it impossible to comply with them, much as she would like to assist all those who appeal to her. Assuring you of Mrs. Roosevelt's sympathy, I am

Very sincerely yours,

Secretary to

Mrs. Roosevelt

(Sumber: atas talian: newdeal.feri.org/eleanor/er3a.htm)

Rujukan

- Blum, L. 1997. Multicultural education as values education. *Working Papers*, Harward Project on Schooling and Children. London: Ministry of Education.
- Brooks, D. & Kristal, W. September 1997. What ails conservation? *Wall Street Journal* 15: 5-22.
- Cameron, D. 2011. State multiculturalism has failed. *BBC News*, 5 Feb.
- Clark, A. 2008. *A comparative study of History teaching in Australia and Canada*. Monash: Monash University Press.
- Cole, E.A. & Murphy, K. October 2009. History education reform, transitional justice and the transformation of identities. International Center for Transitional Justice.
- Etzioni, A. 2003. What is political? Der Begriff des Politischen. *Soziale Welt, Sonderband 14*. Armin Nassehi und Markus Schroer, Herausgeber: 89-99.
- Granatstein, J.L. 1998. *Who killed Canadian history?* Toronto: Harper Collins. *Hansard*, 20 Mar 2002.
- Harris-Hart, C. October 2-4 2009. The National History Curriculum: Tragedy or triumph? Biennial Australian Curriculum Studies Conference, Canberra.
- Howard, J. 2008. Statement in the Australian Parliament.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002a. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah Tingkatan 1*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002b. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah Tingkatan 2*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002c. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah Tingkatan 3*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002d. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah Tingkatan 4*.

- Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
Kementerian Pendidikan Malaysia. 2002e. *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Sejarah Tingkatan 5*. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Macintyre, S. 2 October 2009. The challenge for History in the national curriculum. Keynote Address, Australian Curriculum Studies Association Conference, Canberra.
- Merkel, A. 2010. Multiculturalism in Germany has utterly failed. *Daily Mail*, 18 October.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2009. *Buku Teks Sejarah Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osler, A.. February 2009. Patriotism, multiculturalism and belonging: political discourse and the teaching of history. *Education Review* 61(1): 85-100.
- Parekh, L. 20 Mac 2002. *Hansard British Parliament*, col. 1396.
- Ramlah Adam, Shakila Parween Jacob, Abdul Hakim Samuri & Muslimin Fadzil. 2003. *Sejarah Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sadka, E. 1968. *The Protected Malay States*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Nota Biografi

Mohd. Samsudin (moss@ukm.my) adalah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah Sejarah Malaysia, Sejarah Diplomatik, Warisan dan Pemuliharaan.

Shahizan Shaharuddin (izanshah@ukm.my) adalah pensyarah di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah linguistik, penilaian program dan peralatan dalam pendidikan komunikasi organisasi.